

4,381 mangsa daripada 1,221 keluarga dipindahkan

# Mangsa banjir di Sarawak meningkat

Oleh MD AZRIN ROSLY  
pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 21 FEB.

JUMLAH mangsa banjir di negeri ini semakin meningkat apabila sebanyak 4,381 orang daripada 1,221 buah keluarga dipindahkan ke-25 pusat pemindahan banjir daerah ini, Bau, Padawan, Serian dan Kota Samarahan hari ini.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, setakat pukul 5 petang, jumlah tersebut terus me-

ningkat berbanding seramai 2,869 mangsa daripada 779 keluarga dipindahkan ke 22 pusat pemindahan banjir pada sebelah pagi.

Katanya, sebanyak lapan pusat pemindahan banjir dibuka di daerah ini dan Bau merupakan kawasan paling teruk terjejas.

“Satu pusat pemindahan banjir dibuka di Padawan dan lima di Serian manakala lima lagi di Kota Samarahan.

“Dua pusat pemindahan di Bau iaitu di Dewan Gereja St. Mary Bogag dan Gereja St. Paulus telah ditutup masing-masing pukul 8 serta 10 pagi ini apabila keadaan kem-

bali pulih,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pendidikan negeri berkata, setakat pukul 5 petang, sebanyak 20 buah sekolah di daerah Bau, Padawan dan Serian terjejas akibat banjir.

Katanya, enam buah sekolah lagi iaitu tiga di Padawan, satu di Bau dan dua di Serian dijadikan pusat pemindahan banjir yang menempatkan 2,081 mangsa daripada 516 keluarga.

“Setakat ini, beberapa buah sekolah yang dinaiki air mulai surut dan tiada pengumuman penutupan dibuat pada masa ini,” ujarnya.



ANGGOTA bomba dan penyelamat membantu memindahkan penduduk Kampung Surik, Stapok selepas rumah mereka dilanda banjir di Kuching, semalam. - UTUSAN/ NOR AZIRAN YUNUS